

Pantau bengkel kereta, premis niaga, perumahan elak cemari sungai

? Tumpahan minyak di Sungai Selangor yang menjejaskan bekalan air di sekitar Lembah Klang baru-baru ini, boleh berlaku di mana saja. Di Kedah, adakah langkah pencegahan dibuat bagi mengelak kes sama berlaku.

Abd Latiff Ibrahim
Alor Setar, Kedah

! Sebenarnya, kita sudah meminta pihak berkuasa tempatan (PBT) di Kedah memantau kawasan perumahan, bengkel kereta dan premis perniagaan untuk memastikan tidak berlaku pembuangan sampah dan sisa lain yang boleh mencemarkan sungai. Kita juga akan mengetatkan permohonan orang ramai yang ingin melakukan sebarang pembinaan premis perniagaan di tanah rizab sungai yang dianggap boleh mencemarkan sungai. Ini antara langkah diambil kerajaan negeri dalam usaha bertindak tegas terhadap individu bertanggungjawab membuang bahan buangan ke



Kakitangan Puncak Niaga memasang Oil Boom untuk **menyerap minyak tumpah** di sungai sekitar Kuala Selangor. [GAMBAR HIASAN]

dalam sungai yang menjadi sumber bekalan air.

Usaha lain termasuk menjalankan kempen bagi mewujudkan kesedaran kepada orang ramai mengenai pentingnya menjaga sungai sebagai aset paling berharga. Ia lakukan secara berperingkat dan berterusan untuk menjadikan

sungai di Kedah bebas pencemaran, sekali gus menjadi sungai tercantik di negara ini.

Badrol Hisham Hashim
Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Bekalan Air, Sumber Air dan Tenaga, Perumahan dan Pembangunan Insan Kedah